

08 SEP 2002

MAHATHIR-ISLAM/I

KUASA BARAT TIDAK BERSUNGGUH UNTUK MEMENANGI HATI ORANG ISLAM

PULAU PANGKOR, 8 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas kuasa besar Barat yang tidak melakukan apa-apa pun untuk memenangi hati dan pemikiran orang Islam dan sebaliknya cenderung untuk melancarkan perang terhadap mereka (orang Islam) dalam usaha menghapuskan keganasan.

Sambil menyifatkan ini adalah salah, beliau berkata " Pelbagai perkara dilakukan untuk terus mengasingkan mereka (orang Islam), untuk membangkitkan kemarahan dan mengecewakan mereka. Tindakan mementingkan diri ini akan hanya memastikan kemungkinan lebih ramai lagi dan secara berterusan mereka yang terlibat dengan keganasan."

Barat tidak peduli untuk mencari punca keganasan dan menghapuskannya sementara suara lemah yang membantah di kalangan mereka tidak dihiraukan, katanya dalam ucapan penutupan Forum Kepimpinan Global Asia yang pertama kali diadakan atau yang dikenali sebagai Pangkor Retreat di sini.

Ia dihadiri 200 orang, termasuk pemimpin industri, para menteri, ahli akademik dan ahli ekonomi. Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan Pangarah Urusan Kumpulan YTL Corporation Bhd Tan Sri Francis Yeoh yang mempengerusikan sesi penutup mengenai " Membina dan Membentuk Kemakmuran: Memberikan Dimensi Kemanusiaan terhadap Globalisasi.

Dr Mahathir berkata: "Mereka yang berkuasa cenderung untuk membalas dendam daripada mencari penyelesaian. Oleh itu tidak akan ada penamatnya kepada keganasan orang Islam."

"Jawapannya tidak bergantung kepada konfrontasi, kekerasan, peperangan untuk menamatkan semua jenis peperangan. Jawapannya terletak pada keadilan, kesamarataan, kepekaan, bersedia mengalah dan mengakui kesilapan dan mengenyahkan segala idea bahawa mana-mana bangsa mempunyai monopoli kepada nilai-nilai yang betul, sistem yang betul dan penyelesaian yang betul kepada semua penyakit manusia."

Perdana Menteri berkata dunia hari ini hidup dalam kebimbangan terhadap keganasan orang Islam dan bukan penganas lain dan oleh kerana penganas tidak boleh dikenal pasti atau dikesan dengan mudah, semua orang Islam dianggap penganas berpotensi dan dilayan sebagai penganas.

Beliau berkata oleh kerana majoriti rakyat Malaysia adalah orang Islam, semua rakyat Malaysia dihukum dengan dinafikan hak untuk mendapat visa, diperiksa berkali-kali dan dimalukan ketika mereka pergi ke negara-negara tertentu.

Beliau berkata sekatan terhadap Iraq, Iran, Libya dan Sudan -- semuanya negara Islam -- dan yang lebih tragis pembunuhan rakyat Palestin menjadikan semua orang Islam di mana-mana sahaja merasa tertindas, marah dan kecewa.

"Mereka tidak boleh pergi berperang dengan cara biasa. Mereka berbuat demikian sebelum ini menentang Israel tetapi mereka ditewaskan, terutamanya kerana Israel disokong oleh kuasa-kuasa besar. Satu-satunya cara mereka (orang Islam) boleh bertindak balas adalah menerusi tindakan keganasan menyerang membabi buta kepada sama ada yang bersalah mahupun yang tidak bersalah."

Dr Mahathir berkata sekiranya mahu memulihkan semula keadaan di planet ini, "perkara pertama yang perlu dilakukan adalah berhenti daripada mengambil tindakan membalas dendam dan mula memikirkan keadilan dan kesamarataan."

Beliau berkata keangkuhan kuasa perlu dihapuskan sekiranya mahu mewujudkan kemakmuran bagi dunia yang telah diglobalisasikan.

Menyentuh mengenai globalisasi, Perdana Menteri berkata ia perlu dikawal selia dengan mengambil pertimbangan kelemahan dan sensitiviti negara-negara miskin dan memastikan faedah daripada globalisasi seperti pelaburan langsung asing (FDI) akan membawa menafaat kepada mereka.

"Jumlah kebebasan aliran masuk dan keluar modal tidak boleh dibenarkan," katanya sambil menambah manipulasi pasaran saham dan mata wang perlu disekat.

Malaysia, katanya, kritikal terhadap globalisasi kerana ia telah melihat kemusnahan yang dilakukan kesan daripada manipulasi harga saham.

Dr Mahathir juga mengulangi gesaannya bagi cukai dunia ke atas prasarana di mana wang itu boleh digunakan secara khusus membina kemudahan prasarana yang amat diperlukan oleh negara-negara membangun untuk memaju dan menjadikan ia lebih menarik kepada pelabur-pelabur asing.

Beliau berkata ketika sesetengah negara berjaya menarik FDI, banyak lagi negara lain yang langsung tidak mendapat apa-apa.

"Ia seolah-olah perkampungan global bagi perkampungan orang kaya dengan orang miskin tidak mempunyai bahagian di dalamnya. Ia sesungguhnya satu bentuk dasar apartheid," katanya. -- BERNAMA

MR SHY ZK